

Perjanjian Versailles

Antara syarat dan terma yang utama termasuklah seperti yang berikut:

1. Penyerahan kesemua tanah jajahan Jerman sebagaimana yang diberikan mandat oleh Liga Bangsa-Bangsa (League of Nations).
2. Wilayah Alsace-Lorraine dipulangkan kepada Perancis.
3. Penyerahan Eupen-Malmedy kepada Belgium, Memel kepada Lithuania dan daerah Hultschin kepada Czechoslovakia.
4. Poznanian, iaitu sebahagian Prussia Timur dan Upper Silesia diserahkan kepada Poland.
5. Danzig dijadikan bandar yang bebas.
6. Plebiscites (sejenis pungutan suara) diadakan di sebelah utara Schleswig untuk menyelesaikan isu sempadan Denmark-Jerman.
7. Pendudukan dan status istimewa bagi wilayah Saar di bawah kawalan Perancis.
8. Rhineland dijadikan kawasan bebas tentera selama 15 tahun.
9. Jerman membayar hutang perang sebanyak £6600 juta.
10. Pengharaman terhadap penggabungan Jerman dan Austria.
11. Menerima pengakuan kesalahan Jerman kerana menyebabkan Perang Dunia Pertama.
12. Proviso untuk perbicaraan bekas Kaiser Jerman dan pemimpin perang yang lain.
13. Tentera Jerman terbatas kepada 100 000 orang tanpa tentera kerahan, kereta kebal, artileri berat, bekalan gas beracun, kapal terbang dan kapal udara.
14. Tentera Laut Jerman hanya boleh memiliki kapal di bawah 10 000 tan untuk kapal berperisai dan tidak boleh memiliki kapal selam.